

# Afghanistan: Bantuan penuhi tuntutan Islam

UM 1 1 DEC 2001  
Oleh SOPHA SULAIMAN

**C**HANGLUN 10 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pengorbanan sukarelawan Malaysia yang meninggalkan kesenangan untuk membantu pelarian Afghanistan sebagai memenuhi tuntutan Islam.

Katanya, bantuan yang diberikan itu juga membuktikan rakyat di negara ini bukan sekadar berdoa untuk kesejahteraan rakyat Afghanistan tetapi turut bertindak membantu mereka.

"Kita boleh berdoa, tetapi hendaklah juga disertakan dengan tindakan," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa bersama penduduk di Masjid Kampung Lembah Palas, di sini, malam ini.

Perdana Menteri turut menjelaskan, pemergian sukarelawan negara termasuk anggota pergerakan Pemuda UMNO dan doktor untuk memberikan bantuan kepada pelarian Afghanistan, bukan didesak oleh kerajaan atau pertubuhan antarabangsa.

Kata Dr. Mahathir lagi, pengorba-

nan rakyat Malaysia akan menjadi mereka insaf tentang nasib buruk yang menimpa orang lain.

Selain itu, Dr. Mahathir kagum dengan rakyat Malaysia termasuk yang bukan Islam kerana bersama-sama menghulurkan bantuan kepada pelarian Afghanistan.

Bantuan yang diberikan itu akan menjalinkan lagi hubungan persaudaraan antara umat Islam dan ini juga merupakan ajaran Islam, katanya.

"Kita juga akan merasakan persaudaraan ini bila orang lain membantu kita semasa susah.

"Oleh itu saya berharap sikap ini akan terus berkembang dan menjadi budaya masyarakat Malaysia, kerana di negara ini juga ramai yang hidup daif dan ramai yang dermawan," katanya.

Sifat bantu membantu ini antara cara untuk membangunkan masyarakat Islam kerana persaudaraan itu amat penting, tegasnya.

Beliau menarik perhatian, hubungan yang ikhlas di kalangan masyarakat Islam akan mengukuhkan perpaduan.